

11 MAR 2000

Umno-Calon (Peringat)

PERINGAT CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

KOTA BAHARU, 11 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Peringat hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu turut mencalonkan Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar, bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muamad Taib dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai naib presiden.

Cadangan pencalonan itu oleh Timbalan Ketua Bahagian Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir dan disokong Naib Ketua Ismail Latif mendapat sokongan majoriti daripada kira-kira 200 perwakilan.

Sebelum pengundian bermula, berlaku keadaan tegang apabila seorang perwakilan bangun dan mempersoalkan tindakan pengerusi mesyuarat yang didakwa begitu cepat menutup proses pencalonan.

Bagaimanapun mesyuarat diteruskan dalam suasana tenang selepas Ketua bahagian itu Datuk Annuar Musa bangun memberi penjelasan kepada perwakilan.

Bahagian Peringat juga mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai pengerusi tetap dan Wan Hanafiah Wan Mat Saman sebagai timbalan pengerusi tetap.

Bagi kerusi Majlis Tertinggi (MT), bahagian itu mencalonkan empat tokoh dari Kelantan iaitu Annuar, Zainal Abidin (Abdul Kadir), Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Bahagian itu turut mencalonkan Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Abu Hasan Omar, Datuk Abdul Aziz Samsudin, Mohamad Hassan, Tengku Datuk Adnan Mansor, Datuk Mahadzir Mohd Khir, Datuk Shafei Apdal, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Shafei Salleh, Datuk Zainal Dahlan, Rosli Mat Hassan, Jamaludin Jarjis, Datuk Khalid Yunus, Datuk Maznah Hamid, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Raja Robeah Raja Abdullah, Tan Sri Rahim Tamby Chik, Tan Sri Sanusi Junid dan Datuk Megat Junid Megat Ayub bagi jawatan MT.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata beliau menolak pencalonan merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda bagi mengelakkan Umno dilanda perpecahan.

"Demokrasi bukanlah alasan untuk menghalalkan pertandingan, yang akhirnya boleh memecah belahkan Umno sebagaimana yang pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Annuar berkata bahagian Peringat tidak mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi mana-mana jawatan kerana Ketua Umno Kelantan itu sehingga kini tidak menyatakan hasrat beliau berhubung perkara itu.

Sehingga hari ini, empat daripada 14 bahagian Umno negeri telah menghabiskan mesyuarat masing-masing.

Umno bahagian Kuala Krai, Jeli dan Peringat -- yang bermesyuarat hari ini mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing sebagai presiden dan timbalan presiden.

Umno bahagian Tanah Merah yang bermesyuarat semalam mencalonkan Tengku Razaleigh, bagi kedua-dua jawatan itu.

-- BERNAMA

SM NAK